

## Aku sebuah buku

Aku sebuah buku. Namaku Kamus Dewan. Aku dilahirkan di sebuah kilang buku yang terletak di Shah Alam, Selangor. Aku diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aku dihantar ke kedai buku Banggol di Machang. Aku diletakkan di rak buku bersama rakan-rakanku. Pada setiap hari, aku di jaga dengan baik oleh pekerja di kedai itu. Aku di sapu supaya tidak berhabuk.

Pada keesokkan hari, aku dibeli oleh seorang remaja perempuan. Aku berasa bertuah kerana dimiliki oleh seorang remaja perempuan yang cantik. Dia membawaku pulang ke rumahnya dengan berhati-hati supaya aku tidak terjatuh.

Setibanya aku di rumahnya, aku diletakkan di sebuah rak buku yang terletak dibiliknya. Kemudian, tuanku membalutku dengan kertas bewarna warni yang sangat cantik untuk dihadiahkan kepada rakannya. Aku berasa rimas kerana dibalut dengan ketat oleh tuanku.

Sekarang aku berada bersama tuanku yang baru dan di rumah yang baru. Tuanku selalu melihatku dan menjagaku dengan baik. Aku berasa terharu kerana tuanku amat menghargai dan selalu menggunakanku sewaktu mengulangkaji pelajaran.

Aku bersyukur kerana aku bersama dengan tuanku yang amat rajin dan selalu menggunakanku. Aku berharap tuanku akan menjagaku dengan baik walaupun rupaku kini semakin buruk.